

**SULIT**



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	SISTEM PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KOD KURSUS	:	BBE 4132
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JANUARI 2013
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA DARI ENAM (6) SOALAN YANG DISEDIAKAN.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGITIGA(3)MUKASURAT

**SULIT**

- S1** Politeknik Malaysia sedang menambahbaik semua kursus bagi semua program di peringkat Diploma dan Diploma Lanjutan mereka. Sebagai seorang Pegawai Pendidikan Tinggi Kanan Gred DH44 yang terlibat dalam proses penambahbaikan tersebut, anda telah di minta mengetuai panel bidang kepakaran anda bagi menambahbaik satu kursus yang sangat anda minat.

Tuliskan semula secara teliti kursus yang telah anda tambah baik tersebut.

(25 markah)

- S2** Anda adalah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG 41 yang baru sebulan melapor diri di sebuah Kolej Vokasional Segamat, Johor. Anda dikehendaki mengendalikan satu kursus pendek selama satu hari kepada pelajar tahun 2 di kolej tersebut. Tujuan kursus adalah untuk memantapkan pengetahuan pelajar terhadap Sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia.

Lengkapkan rancangan mengajar anda dengan terperinci bagi memastikan kursus tersebut dapat direalisasikan dengan baik dan lancar.

(25 markah)

- S3** Bandingkan secara tiga penjuru terhadap Sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Malaysia, Indonesia dan Singapura.

(25 markah)

- S4** Penstrukturian semula di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia pada 01 Mac 2008 telah melibatkan pertukaran nama Jabatan Pendidikan Teknikal kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV). BPTV pula mempunyai empat unit mengikut fungsi utamanya iaitu Pengoperasian Sekolah, Pengurusan Akademik, Pembangunan PTV dan Pembangunan Kejurulatihan PTV.

- (a) Nyatakan Visi dan Misi BPTV.

(3 markah)

- (b) Jelas lima fungsi utama BPTV.

(10 markah)

- (c) Terangkan enam prinsip pengurusan berkualiti yang diamalkan di BPTV.

(12 markah)

- S5** (a) Senaraikan kursus aliran vokasional mengikut jurusan yang terdapat di Kolej Vokasional Malaysia.

(8 markah)

- (b) Senaraikan mata pelajaran elektif aliran teknikal mengikut jurusan dan kursus yang di ajar di sekolah menengah di Malaysia.

(8 markah)

- (c) Huraikan kronologi transformasi yang berlaku terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KHSR) sehingga ia stabil dan mula di ajar kepada murid Tahun 4 sekolah rendah Malaysia mulai tahun 2003 hingga sekarang.

(9 markah)

- S6** (a) Senaraikan masing-masing tiga bidang kursus bagi dua jenis program diploma yang ditawarkan oleh institusi pendidikan teknikal yang beroperasi di bawah Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia.

(8 markah)

- (b) Senaraikan dua buah institusi pendidikan teknikal yang beroperasi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Kemudian nyatakan tiga jenis kursus peringkat sijil yang ditawarkan oleh institusi masing-masing.

(8 markah)

- (c) Namakan masing-masing tiga jenis kursus peringkat diploma yang ditawarkan oleh tiga buah institusi pendidikan teknikal yang bernaung di bawah kementerian yang berbeza di Malaysia.

(9 markah)